

# 'Nak ke laut pun susah'

SH 20/3/2019 m/s 24

**Lebih 500 nelayan  
terjejas apabila  
muka kuala Tumpat  
semakin cetek**

ROHANA ISMAIL

TUMPAT

**K**adaan muka kuala Tumpat yang semakin cetek bagaikan tiada jalan penyelesaian membuatkan 500 nelayan di sini terjejas.

Beting pasir yang timbul di muka kuala itu menyekat laluan bot untuk ke laut dan masalah ini sudah berlarutan sejak 10 tahun.

Keadaannya semakin teruk apabila bot kelas A langsung tidak boleh melaluinya.

Pilihan yang ada, nelayan terpaksa melalui kuala besar yang perjalanannya memakan masa satu jam setengah.


Seorang nelayan, Mat Rusuk Said, 59, dari Tanjung Che Mas, berkata, keadaan muka kuala tertutup ini menyukarkan nelayan mencari rezeki.

"Kami dapat turun ke laut cuma terpaksa melalui jalan jauh.

"Banyak masa habis dalam perjalanan, kos minyak bot pun bertambah," katanya.

Menurutnya, nelayan bot kelas A terkesan teruk disebabkan kuala Tumpat tertutup itu.

Dia berkata, bermacam-macam risiko bakal dihadapi mereka sama ada bot tersangkut di beting, kipas bot rosak jika redah juga kuala yang cetek itu.



Mat Rusuk menunjukkan lokasi air cetek.

"Sebab itu ramai yang melalui jalan jauh, keluar ikut Kuala Besar, khawatir bot rosak," katanya.

Masalah kuala Tumpat tertutup itu bukan sahaja memberi kesan kepada bot kelas A, tetapi nelayan bot fiber turut terjejas.

Mat Asri Ibrahim, 49, berkata, walau pun nelayan bot fiber boleh keluar melalui Kuala Tumpat tetapi ada risiko yang menanti.

Katanya, enjin bot rosak kerana tersangkut di tempat air cetek.

"Ramai yang terpaksa menunggu air pasang untuk keluar menangkap ikan.

"Ini tentunya akan menjejaskan pendapatan nelayan kerana air pasang surut tidak menentu," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Tumpat, Mohamed Shaam Abd Kadir berkata, isu kuala Tumpat tertutup ini pernah dibawa usul perbincangan



Mohamed Shaam menunjukkan beting pasir menutup muka kuala menyebabkan bot tidak dapat melaluinya.



Bot kelas A tersadal di jeti Tanjung Che Mas apabila air di muka kuala cetek menyebabkan nelayan tidak dapat turun ke laut.

an dalam mesyuarat agung persatuan ini.

"Masalah ini sudah diketahui

pemimpin atasan dan ia juga dalam perhatian mereka.

"Nelayan di sini mengharap-

kan ada penyelesaiannya segera kerana ini soal perniagaan nelayan," katanya.